



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**TINGKAH LAKU PEMBANGUNAN POTENSI DIRI BELIA DALAM  
PROGRAM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA**

**YASMIN YACCOB**

**FEM 2015 62**

564801



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**TINGKAH LAKU PEMBANGUNAN POTENSI DIRI BELIA DALAM  
PROGRAM ANUGERAH REMAJA PERDANA RAKAN MUDA**

Oleh

**YASMIN BINTI YACCOB**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Mac 2015

100283875

## HAKCIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Unversiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



FS  
13/6/2017

†  
FEM  
2015  
62

**1000783872**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**TINGKAH LAKU PEMBANGUNAN POTENSI DIRI BELIA DALAM PROGRAM ANUGERAH  
REMAJA PERDANA RAKAN MUDA**

oleh

**YASMIN BINTI YACCOB**

Mac 2015

**Pengerusi : Mohd Ibrani Shahrudin bin Adam Assim, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis tingkah laku pembangunan potensi diri belia melalui Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) berdasarkan Teori Tingkah Laku Berencana sebagai model kajian. Program ARP merupakan program pembangunan diri yang menyediakan diri belia menghadapi cabaran ke arah mencapai potensi diri alam remaja dan dewasa. Kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik yang telah dibina berdasarkan model kajian. Persampelan kajian bertujuan melibatkan 502 orang responden berumur antara 14 hingga 25 tahun yang telah ditauliahkan anugerah tahap gangsa, perak dan emas di seluruh negara. The Structural Equation Modeling (SEM) telah digunakan untuk menguji model kajian. Antecedent tingkah laku berencana terdiri daripada tiga konstruk iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dipersepsikan. Hasil analisis mendapati pengaruh yang signifikan di antara tiga konstruk dan menyumbang kepada niat bertingkah laku belia ( $R^2 = 0.84$ ). Walau bagaimanapun, hipotesis kajian konstruk norma subjektif telah ditolak tetapi masih mempunyai hubungan dengan niat (0.006). Kajian ini juga turut melihat peranan antecedent Tingkah Laku Berencana dengan analisis tahap keyakinan diri oleh Shraunger. Skor analisis yang tertinggi ialah 157. Kajian ini mempunyai implikasi yang penting kepada teoritikal, praktikal dan dasar ke arah program pembangunan potensi diri belia.

Abstract of the thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master Science

**THE BEHAVIOUR OF YOUTH SELF-POTENTIAL DEVELOPMENT IN ANUGERAH  
REMAJA PERDANA RAKAN MUDA PROGRAM**

By

**YASMIN BINTI YACCOB**

March 2015

**Chairman : Mohd Ibrani Shahrinin bin Adam Assim, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

The main purpose of this study was to analyze the behavior of youth self-potential development in the Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda Program (ARP) based on the Theory of Planned Behaviour as a research model. The Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda Program is a self-potential development program that prepares youth to meet the challenges of adolescence and adulthood to achieve their full potential. The survey using a questionnaire which was built based on model research. Sampling studies involved 502 respondents aged between 14 to 25 years that has been awarded bronze, silver and gold throughout Malaysia. Model testing were performed using Structural Equation Modelling (SEM). Antecedent planned behavior consists of three constructs which is attitude, subjective norms and perceived of behavioural control. From the findings portrays three constructs were significantly contributed to the intention of youth ( $R^2 = 0.84$ ). However, the hypotheses of subjective norms were rejected but still have a relationship with the intention (0.006). The factors driving the growth potential, the effectiveness of activities and the level of self-confidence were also measured that was implemented for this study. The highest score of analysis is 157. This study has important implications to the theoretical, practical and policy towards self-potential development program.

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t....

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kumiaNya saya bersyukur diberikan keupayaan, semangat, kesabaran dan kesihatan yang baik untuk menyiapkan kajian ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Projek ini adalah sebagai memenuhi syarat untuk saya bergraduat.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi penghargaan terima kasih kepada Penyelia tesis iaitu Dr. Mohd Ibrani Shahrudin bin Adam Assim dan juga Prof. Madya Dr. Sarjit S.Gill yang telah banyak memberikan banyak tunjuk ajar, idea dan bimbingan dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Jabatan Belia dan Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan khususnya serta Jabatan Belia dan Sukan Negeri yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini, juga kepada Dr. Wasitah Hj Mohd Yudof serta IYRES di atas Geran Penyelidikan serta kepada semua Pegawai dan Kakitangan di Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara dan Pertubuhan Belia Emas Perdana (MAGAA) yang telah banyak membantu saya sepanjang kajian ini.

Setinggi penghargaan juga ditujukan khas kepada ibu bapa saya, keluarga tercinta, rakan – rakan karib saya Noorli Asyifa, Mahadir, Marzuki dan individu istimewa lain iaitu Hasnata Hasan, Ann Rutel yang telah banyak memberikan sokongan moral dan menjadi tulang belakang ketika menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya segala bantuan dan sokongan amat saya hargai. Cabaran dan pengalaman yang ditempuhi sepanjang menyiapkan kajian merupakan perkara paling berharga dalam hidup saya. Semoga naskhah ini dapat memberi sumbangan dalam perkembangan ilmu terutama dalam bidang pembangunan belia.

Sekian, terima kasih.

Yasmin Yacob  
06 Mac 2015

## SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GRAF	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

### BAB

<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	Pengenalan	1
	Kenyataan Masalah	6
	Objektif Kajian	
	Objektif Umum	8
	Objektif Khusus	8
	Hipotesis Kajian	9
	Kepentingan Kajian	9
	Kerangka Teoritikal	10
	Kerangka Konseptual Kajian	13
	Skop dan Limitasi Kajian	15
	Andaian	15
	Definisi Istilah	16
	Rumusan	19
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	
	Pengenalan	20
	Definisi Niat	20
	Sejarah TPB dalam Psiko Sosial	21
	Definisi dan Arah Kajian Belia & TPB dalam Psiko Sosial	22
	Teori Tingkah Laku Berencana Mengenai Pembangunan Potensi Diri dan Keyakinan Diri	24
	Model Kajian, Kesan dan Moderator Analitikal Keyakinan Diri PEI (1990)	27
	Faktor-faktor yang Menjelaskan Pembangunan Potensi Diri	28
	Faktor Persekitaran	28
	Sokongan Sosial	28
	Peranan Badan Operasi	29
	Peranan Mentor dan Pemimpin	29
	Faktor Personaliti	30
	Pemilihan Komponen Aktiviti Profail Belia Mengikut Tahap	31
	Teras Estim Diri	36
	Penilaian Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda	37
	Kesan-kesan Faktor Persekitaran Terhadap Analisis Keyakinan Diri PEI	46
	Interaksi Sosial	46
	Tingkah Laku Prososial	49
	Keyakinan Diri Belia dan Niat Pembangunan Potensi Diri	51

Kesan-kesan Faktor Personaliti Terhadap Analisis Keyakinan Diri PEI	53
Profail Tahap Pembangunan Belia	53
Tahap Pengukuran Potensi Diri Belia	54
Teras Estim Diri Belia dalam Perspektif Psikososial	55
Penilaian Program dan Program Pembangunan Belia di Malaysia	57
Rumusan	61
<b>3 METODOLOGI</b>	
Pengenalan Kajian	62
Reka Bentuk Kajian	62
Populasi dan Pensampelan	63
Lokasi Kajian	63
Populasi Kajian	63
Pensampelan Kajian	64
Saiz Sampel Kajian	64
Prosedur Persampelan	65
Latar Belakang Responden ARP	65
Instrumen Kajian	65
Skala Soalan	65
Pengoperasian dan Pengukuran	67
Jantina	69
Pemboleh Ubah	69
Sosio-demografi	70
Ujian Rintis	70
Kebolehpercayaan dan Kesahan	70
Prosedur Pengumpulan Data	71
Data Primer	72
Data Sekunder	72
Rumusan	73
<b>4 HASIL DAN PERBINCANGAN</b>	
Pengenalan	74
Profail Peribadi dan Profesional Responden	75
Profail Peserta Tahap Emas	79
Tahap Anugerah Responden	80
Faktor Yang Menjelaskan Profail Peserta ARP	81
Tahap Dalam Komponen Sikap	81
Tahap Niat	84
Norma Subjektif	85
Kawalan Persepsi	86
Perbincangan	87
Peringkat-peringkat Pemboleh Ubah Bebas	
Faktor Persekitaran	90
Faktor Personaliti	90
Hubungan Antara Pemboleh Ubah Bebas dan Tahap Anugerah Peserta	
Hubungan Antara Faktor Persekitaran dan PEI	91
Hubungan Antara Faktor Personaliti dan PEI	93
Perbincangan	94
Interprestasi Analisi Regresi Berganda	95
<i>Structural Equation Modelling</i>	98
Analisis Faktor Pengesahan	100
<i>Discriminant Validity</i>	101
Analisis Model Struktural	103
Analisis Hipotesis Kajian	105



Rumusan	107
<b>5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
Pengenalan	108
Ringkasan Keseluruhan	108
Implikasi	111
Cadangan	116
Rumusan	119
<b>RUJUKAN</b>	120
<b>APENDIKS</b>	126
<b>LAMPIRAN BORANG SOAL SELIDIK</b>	145
<b>BIODATA PELAJAR</b>	157



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Definisi Niat	21
2	Ringkasan Pelaksanaan Empat Komponen Aktiviti	35
3	Statistik Penyertaan Tahun 2002-2012	38
4	Statistik Pentauliahan Tahun 2003-2012	38
5	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden	75
6	Pecahan responden mengikut Badan Operasi (BO)	77
7	Tahap Komponen Sikap (Konstruk Kognitif)	81
8	Tahap Komponen Sikap (Konstruk Afektif)	82
9	Tahap Komponen Sikap (Konstruk Psikomotor)	83
10	Tahap Niat	84
11	Tahap Komponen Norma Subjektif	85
12	Tahap Komponen Kawalan Persepsi	86
13	Analisis Korelasi	87
14	Julat Norma Subjektif berdasarkan Teori TPB	91
15	Analisis Regresi Faktor Penyumbang kepada Tahap Tingkah Laku Pembangunan Potensi Diri Belia Di Dalam Program ARPRM	96
16	Ringkasan Tahap Kriteria Wajar	99
17	Anallisis Faktor Pengesahan (CFA) 1	100
18	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) 2	102
19	Analisis Hipotesis Kajian	106

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Teori Tingkah Laku Berencana (TPB)	12
2	Kerangka Model Kajian	12
3	Kerangka Konseptual Mengenai Kajian Tingkah Laku Pembangunan Potensi Diri Belia dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda	14
4	8 tahap "Ladder of Participation"	48
5	Analisis Struktural Model	104



## SENARAI GRAF

### Graf

1 Pecahan responden mengikut tahap

### Muka surat

80



## SENARAI SINGKATAN

TPB	Teori Tingkah Laku Berencana (Theory of Planned Behavior)
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
ARP	Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda
PEI	<i>Personality Evaluation Inventory</i>
NAA	Badan Berkuasa Anugerah
SEM	Structural Equation Modelling (SEM)



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Psikologi sosial merupakan kajian saintifik yang cuba untuk memahami dan menerangkan bagaimana fikiran, perasaan dan tingkah laku individu dipengaruhi oleh individu lain, kelompok dan juga kebudayaan. Tiga konsep asas berkaitan psikologi sosial iaitu : sains, proses mental dan tingkah laku. Aktiviti yang berlaku di dalam minda manusia yang boleh disimpulkan melalui tingkah laku iaitu a) pemikiran (ingatan, fikiran, persepsi, pentaakulan, penilaian, pembentukan imej dan kepercayaan; b) emosi c) perasaan d) motif (niat). Tingkah laku manusia khususnya belia didorong untuk memenuhi sesuatu keperluan. Tingkah laku berasional yang berarahkan matlamat untuk mencapai potensi diri individu. Berdasarkan kepada sorotan literatur yang berasaskan kajian-kajian psikologi yang mutakhir, bidang psikologi sosial mampu menetengahkan elemen pembangunan potensi diri belia yang bergerak seiring dengan tumbesaran dan pertumbuhan secara holistik. Menurut Ma'rof Redzuan (2010), elemen-elemen di dalam pembangunan potensi diri yang dikaitkan iaitu niat individu untuk bertingkah laku didasari oleh beberapa konstruk psikologi yang dirujuk sebagai pembentukan sikap, norma subjektif atau pengaruh orang lain kepada individu, dan kawalan tingkah laku yang dipersepsikan yang mengarah kepada tingkah laku pembangunan potensi diri. Pada peringkat umur belia, mereka secara psikologi mempunyai kekuatan diri masing-masing yang mana kekuatan tersebut akan terserlah pada akhirnya dan digarap sebagai komponen yang menyumbang kepada potensi diri. Potensi diri yang digarap merupakan tingkah laku seseorang individu yang berjaya ditonjolkan berdasarkan dorongan niat menerusi Teori Tingkah Laku Berencana oleh Ajzen dan Fishbein (1991). Teori ini telah mencadangkan model pengukuran bagaimana tingkah laku manusia dirancang. Ia meramalkan sesuatu kejadian atau tingkah laku potensi diri didorong oleh niat belia untuk bertingkah laku. Model pengukuran tersebut telah merumuskan figurasi kajian seterusnya dan tiga (3) variabel yang telah dicadangkan oleh teori berkenaan untuk meramalkan niat bertingkah laku. Niat merupakan pelopor atau dasar kepada tingkah laku. Teori TPB merupakan formulasi kepada Teori Tindakan Munasabah (TRA) yang berkaitan dengan tingkah laku secara sukarela. Tingkah laku yang dihasilkan ini adalah bukan 100% sukarela dan di dalam kawalan. Teori Tingkah Laku Berencana (TPB) merupakan teori yang meramalkan tingkah laku kerana variabel di dalam model adalah refleks konstruk psikologi.

Selain itu, perkembangan potensi diri belia turut dikaitkan dengan interaksi melalui persekitaran sosial. Bandura (1986) menekankan bagaimana tingkah laku manusia dipengaruhi oleh persekitaran melalui peneguhan (*reinforcement*), dan pembelajaran melalui pemerhatian (*observational learning*) dan cara berfikir yang dimiliki terhadap sesuatu perkara. Namun, dinamika tingkah laku manusia berlaku dalam konteks timbal balas di antara elemen kognisi, tingkah laku dan pengaruh afektif sesama manusia. Justeru, dalam usaha membangunkan potensi diri belia, Dasar Sosial Negara telah dijadikan kerangka kepada garis panduan pembentukan program sosial belia.

Dasar Sosial Negara (1993), dilihat sebagai satu dasar pembangunan sosial yang berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang maju dan mantap. Melalui dasar ini setiap ahli dalam masyarakat berpeluang untuk memperkembangkan potensi diri secara optimum di dalam persekitaran sosial yang sihat berdasarkan ciri – ciri bersatu padu, berdaya tahan, demokratik, bermoral, bertoleransi, progresif, penyayang, adil dan saksama selaras dengan matlamat wawasan 2020. Sebelas Teras Pembangunan Belia menyatakan salah satu komponen tersebut ialah Program Rakan Muda yang mana telah menerangkan dengan lebih lanjut usaha-usaha dan aktiviti yang telah dilakukan untuk golongan ini. Antara usaha – usaha yang dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan khususnya melalui Program Rakan Muda ialah :

- Menyediakan modul program Rakan Muda yang seragam hingga ke peringkat akar umbi di samping memastikan unsur patriotisme, daya tahan, semangat berpasukan dan kepimpinan diterapkan;
- Mewujudkan fasilitator terlatih bagi mengendalikan modul program Rakan Muda;
- Menyediakan bajet pelaksanaan yang cukup bagi membiayai program Rakan Muda;
- Menentukan pelaksanaan secara terancang dengan mewujudkan perkongsian pintar dengan pertubuhan belia yang berwibawa;
- Menubuhkan Jawatankuasa Pemantau Peringkat Negeri bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan yang berterusan;
- Meluaskan publisiti program Rakan Muda kepada umum dengan menggunakan berbagai bentuk saluran media dan bahasa;
- Mengukuhkan penyampaian perkhidmatan pelanggan dengan mewujudkan pusat khidmat pelanggan di pusat-pusat Rakan Muda yang sedia ada dan juga Pejabat Belia dan Sukan Daerah
- Menggunakan Akta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk mewajibkan lepasan sekolah berusia 17 tahun menyertai aktiviti Rakan Muda.

Bidang psikologi sosial juga memperakukan bahawa pembangunan belia merupakan proses menyediakan diri belia menghadapi cabaran ke arah kematangan diri dan mencapai potensi pembangunan diri. Usaha ini direalisasikan melalui penglibatan di dalam aktiviti dan pengalaman yang diperolehi. Terdapat sepuluh (10) prinsip

Pembangunan Belia mengikut pendekatan Pembangunan Belia Positif oleh Pittman (2001) iaitu :

1. Memahami bahawa golongan muda adalah aset dan bukannya masalah yang perlu diperbetulkan;
2. Beralih dari model *deficit-based* (hanya mengemukakan masalah tingkah laku) kepada model yang lebih memfokus kepada membangunkan keupayaan belia sebagai aset;
3. Berasaskan persediaan SOPS di atas matlamat sepenuhnya fungsi dan berkemampuan sebagai dewasa;
4. Beralih kepada menjangkau pemikiran yang lebih jauh dari memikirkan sama ada dan atau;
5. Memfokus kepada pembangunan yang luas merangkumi pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku;
6. Melibatkan golongan dewasa dari kalangan keluarga dan komuniti dalam pembangunan belia;
7. Sokongan dari belia sendiri sebagai pemain utama dalam pembangunan;
8. Membentuk pembangunan belia dengan sokongan, peluang dan program dengan perbincangan yang teliti;
9. Membawa program menjadi skala ; dan
10. Keseimbangan sokongan dan peluang yang lebih

Sehubungan itu, prinsip-prinsip ini telah membantu kepada pembentukan inisiatif berdasarkan kepada keperluan pembangunan belia masa kini. Dasar Pembangunan Belia Negara, (1997) telah digubal bertujuan untuk memperkasakan pembangunan belia negara. Melalui dasar tersebut, tujuh (7) strategi telah digariskan untuk dilaksanakan iaitu:

1. **Pembangunan Ilmu**  
Usaha dipertingkatkan ke arah mengembangkan ilmu pengetahuan di dalam berbagai aspek sebagai tunggak kepada pembangunan dan pemantapan generasi belia.
2. **Pembentukan Sikap**  
Usaha ke arah penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan sikap yang positif dan kreatif dipupuk di kalangan belia bagi menghadapi cabaran semasa dan akan datang.
3. **Pembangunan Kemahiran dan Keusahawanan**  
Mempersiapkan generasi belia dengan teknologi terkini, kemahiran teknik dan vokasional serta kegiatan keusahawanan selaras dengan kehendak pembangunan negara.
4. **Pemupukan Gaya Hidup Sihat**  
Generasi belia digalakan menyertai persatuan atau aktiviti sukarela yang dapat memupuk gaya hidup yang sihat, cergas dan dinamik. Amalan ini dapat melahirkan pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dan berkualiti.



5. Kemudahan Interaksi Sosial  
Mempertingkatkan kemudahan yang sesuai bagi menggalakkan aktiviti dan interaksi sosial yang sihat di kalangan belia dan masyarakat.
6. Perkongsian Dalam Pembangunan  
Menggunakan perkongsian dan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan untuk pembangunan generasi belia.
7. Jaringan Hubungan Antarabangsa  
Menggalakkan generasi belia meningkatkan jaringan hubungan dan interaksi dengan masyarakat antarabangsa.

Bagi memastikan strategi tersebut dilaksanakan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengadaptasi keperluan psikologi sosial yang berlandaskan kepada teori dan model pembangunan potensi belia agar pelan tindakan yang dirancang, dilaksanakan sejajar dengan keperluan belia sekarang. Terdapat lapan (8) strategi yang telah dikenal pasti oleh KBS iaitu:

1. Menyediakan program keilmuan dan latihan kepada generasi muda yang dianjurkan bersama oleh agensi sektor awam, swasta, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan;
2. Mengukuhkan program pembangunan kepimpinan dan bina sahsiah bagi membina kekuatan diri, institusi kekeluargaan, keagamaan dan kemasyarakatan supaya generasi belia dapat berperanan dengan berkesan;
3. Memantapkan program latihan kemahiran, peluang perniagaan dan keusahawanan supaya generasi belia mampu berdikari dan membina kerjaya yang cemerlang;
4. Mengupayakan pertubuhan belia supaya dapat menarik minat golongan belia dan masyarakat menyokong dan menyertai aktiviti yang dianjurkan;
5. Menyediakan peluang dan kemudahan kepada golongan belia untuk memajukan diri dalam bidang sosial dan ekonomi;
6. Meningkatkan semangat kesukarelaan dan patriotisme melalui kerja-kerja amal, kebajikan dan kemasyarakatan;
7. Memberi kefahaman generasi belia tentang konsep persejagatan (globalisasi) dan kepentingan hubungan mereka dengan agensi kerajaan, swasta, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan serta jaringan antarabangsa; dan,
8. Menyediakan prasarana dan mekanisme yang sesuai bagi kegiatan penyelidikan belia termasuk pemantauan dan penilaian.

Dasar Belia Malaysia (2011) telah digubal bagi menggantikan Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) secara menyeluruh ke arah melahirkan belia yang berpersonaliti tinggi, berintegriti dan kreatif serta kompeten dalam mencetus transformasi pembangunan Negara. Belia di era permodenan berdepan dengan beberapa cabaran besar seperti pengangguran, gejala sosial, hilang jati diri serta kecelaruan personaliti. Belia Malaysia adalah belia yang mempunyai potensi diri yang tinggi, kreatif, dan inovatif dan ini menjadikan golongan belia sebagai penggerak kemajuan. Empat fokus bidang utama yang telah digariskan untuk mentransformasikan pembangunan belia iaitu :

1. Memperkukuhkan semangat jatidiri kenegaraan dan literasi kewarganegaraan di kalangan generasi belia Malaysia;
2. Mencetuskan pembangunan kualiti hidup kelas pertama keseluruhan generasi belia dengan merentasi aspek perbezaan budaya, kaum dan keagamaan serta geografi;
3. Menyerlahkan semangat kompetitif dan daya juang belia Malaysia bagi menghadapi cabaran transformasi pembangunan Negara;
4. Penerapan budaya positif kesejagatan dalam pembangunan personaliti unggul belia Malaysia.

Atas dasar tersebut, kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat penilaian ke atas tingkah laku pembangunan potensi diri belia di dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP). Penilaian ke atas tingkah laku dinilai menggunakan model Teori Tingkah Laku Berencana (TPB). Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) yang juga disebut sebagai program pembangunan potensi diri ini telah dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh Negara. Melalui strategi pembentukan sikap dan pemupukan gaya hidup yang sihat, program ini telah memenuhi keperluan diri belia. Elemen-elemen yang terdapat di dalam empat komponen Program ARP telah menerangkan dengan lebih lanjut mengenainya. Dalam usaha mencapai tahap keupayaan sosial, moral, emosi, fizikal dan mental yang seimbang, aktiviti pembangunan potensi diri ini telah memberi banyak peluang dan pendedahan kepada peserta. Dalam proses menyediakan diri ke arah kematangan, belia perlu menghadapi beberapa cabaran ke arah mencapai potensi diri mereka. Aktiviti pembangunan potensi diri yang dibentuk secara tersusun ini melibatkan belia dalam keperluan penilaian, perancangan dan pelaksanaan. Penglibatan secara aktif mereka dilihat melalui tingkah laku secara konstruktif iaitu penyertaan sebagai perancang aktiviti dan juga sukarelawan. Wehmeyer, Agran & Hughes (1998) menyatakan dalam usaha menyediakan diri ke arah kedewasaan, kekuatan dan kelemahan diri perlu dianalisis supaya dapat menjadi panduan ke arah tingkah laku. Pendapat dan tingkah laku orang lain akan turut mempengaruhi setiap peringkat di dalam proses.

## 1.1 Kenyataan Masalah

Menurut Asnarulkhadi Abu Samah (2011), belia yang berumur 15 hingga 24 tahun berada di dalam lingkungan kohot umur di alam persekolahan. Golongan ini rata – rata berada di dalam kalangan kumpulan awal remaja, remaja pertengahan dan akhir remaja. Pada peringkat umur yang dianggap sangat mencabar ini, mereka sedang berusaha untuk mengenali dan mencari identiti diri. Setiap keperluan bagi peringkat kategori umur belia adalah berbeza dari segi fizikal, kognitif dan emosi. Azimi (2005) menyatakan proses peralihan yang dilalui memerlukan belia melengkapkan satu set tugas perkembangan persediaan ke arah kedewasaan. Dalam proses tersebut, belia tidak dapat lari daripada mengalami pelbagai kesulitan dari segi fizikal, kognitif, emosi, identiti diri, penghargaan diri, krisis pergantungan dan autonomi, dorongan seksualiti kebingungan pengalaman baru yang dilaluinya. Menurut Bandura (1977), pada peringkat kategori umur belia, seseorang individu mengalami perubahan yang amat pesat sekali, sama ada dari segi fizikal, emosi mahu pun sosial. Pada zaman ini, para belia mula terdedah kepada alam luas di luar rumah, malah persekitaran ini merupakan rumah kedua kepada mereka. Bandura menyatakan bahawa tempoh tersebut merupakan masa di mana mereka bertambah sosial dan berpeluang membina kemahiran mereka. Banyak perkara yang dipelajari tidak semuanya datang dari ibu bapa tetapi kebanyakannya daripada persekitaran sosial yang mana mereka membesar. Pada tempoh ini, mereka mula mengubah tingkah laku, sikap, dan nilai malah seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada yang lebih matang dan dewasa. Peringkat umur belia merupakan peringkat kritikal dalam peringkat perkembangan individu kerana melibatkan perubahan radikal dari segi fizikal dan psikologi. Menurut Muus (1982), dari segi sosiologi tahap tersebut merupakan zaman peralihan dari kanak-kanak yang tidak bebas kepada zaman dewasa yang mampu diri. Dari sudut psikologi perkembangan, belia merupakan individu yang berada di dalam situasi pinggir yang memerlukan adaptasi dan penyesuaian baru dilakukan iaitu membezakan tingkah laku kanak-kanak dan orang dewasa. Belia perlu mengenali identiti mereka, siapa mereka dan apa yang diperlukan sebagai persediaan ke alam kedewasaan. Namun begitu, perspektif psikologi sosial memberikan gambaran yang agak berbeza. Isu tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak dan remaja dalam bidang psikologi perkembangan sering diinterpretasi dari segi kekurangan keupayaan psikologikal fizikal dan mental, namun persoalan interaksi sosial jarang diperjelaskan. Salah satu model psikologi sosial, iaitu model yang berteraskan kepada Teori Tingkah Laku Berencana (TPB) mampu menyediakan skop analitikal terhadap isu interaksi sosial para belia.

Namun, tidak dinafikan bahawa perubahan yang pesat dari segi emosi dan kognitif merupakan fenomena yang universal. Dalam menghadapi proses ini, belia selalu berada dalam konflik apabila pada tahap ini mereka digalakkan untuk mengembangkan pola personaliti dan bersikap tanggungjawab, mencapai autonomi sendiri, mencapai tahap perkembangan moral, mengembangkan kecerdasan dan mencapai keseimbangan emosi (Erikson, 1950). Norma sosial dan peraturan dalam masyarakat boleh menghalang mereka dari proses ini.

Pada peringkat umur belia, mereka sering diasosiasikan dengan pengalaman pergolakan dan krisis identiti yang merupakan suatu pengalaman biasa ketika

seseorang menuju ke alam dewasa. Pergolakan dan krisis identiti yang dilalui pada tempoh ini merupakan proses perubahan tingkah laku yang banyak dipengaruhi oleh proses sosialisasi dan pembelajaran. Permasalahan sosial dengan gejala seperti penyalahgunaan dadah, merempit, melepak, vandalisme, buli, seks bebas, gangsterisme dan jenayah. Bagi sesetengah pihak sesetengah simptom permasalahan sosial yang menular dianggap sinonim dengan permasalahan belia (Sapora, 1998). Walaupun peratusan yang terlibat dalam aktiviti berisiko ini masih rendah tetapi tren peningkatan peratusan yang terlibat perlu diberi perhatian. Fazilah et.al (2005) dalam kajian yang melibatkan belia yang berumur 15 hingga 30 tahun mendapati aktiviti berisiko menonton bahan lucah, merokok, berjudi, vandalisme dan merupakan lima yang teratas. Faktor yang menyumbang kepada penglibatan dalam aktiviti berisiko juga telah dikaji oleh beberapa penyelidik. Rozumah et.al (2005), dalam kajian belia yang berumur 13 hingga 18 tahun mendapati beberapa faktor individu dan persekitaran secara signifikan dengan penglibatan dalam masalah sosial.

Selain itu, globalisasi yang dicirikan oleh penyebaran maklumat yang pantas dan meluas serta penggunaan teknologi yang canggih juga antara faktor menyebabkan berlakunya peningkatan masalah sosial dalam masyarakat. Pengaruh dan impak media khususnya kepada belia merupakan isu yang berkaitan. Belia rata-rata mempunyai akses dan terdedah kepada multimedia dan ini secara langsung memberi kesan tertentu kepada kehidupan sosial dan budaya.

Kajian Lerner (1978) menyatakan bahawa perkembangan ini harus dilihat dalam konteks biologi, sosial dan sejarah yang luas. Tingkah laku dan perkembangan belia perlu seiring dan sentiasa dilihat di dalam konteks keluarga, sekolah dan rakan sebaya. Namun begitu, untuk memahami tingkah laku, kita perlu terlebih dahulu mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tingkah laku tersebut, iaitu faktor biologi, persekitaran sosial, personaliti dan tingkah laku. Aspek yang ditekankan oleh pengkaji tersebut ialah interaksi dua hala di antara individu dengan persekitaran. Ahli psikologi Robert J. Havighurst telah menyenaraikan lapan (8) tugas penting yang memerlukan perhatian pada tahap ini dalam konteks kehidupan sosial iaitu:

1. Membentuk perhubungan baru yang lebih matang bersama rakan-rakan yang sama umur sama ada lelaki atau perempuan;
2. Memainkan peranan dalam kehidupan sosial yang baik sama ada lelaki ataupun perempuan;
3. Menerima hakikat bentuk badan sendiri dan menggunakan kelebihan diri dengan berkesan;
4. Mencapai kebebasan emosi daripada ibu bapa dan orang dewasa yang lain;
5. Bersedia untuk berkahwin dan bertanggungjawab terhadap kehidupan keluarga;

6. Bersedia untuk bekerja;
7. Memperoleh satu set nilai dan satu sistem etika sebagai panduan tingkah laku untuk membentuk satu ideologi; dan,
8. Menerima tanggungjawab serta tingkah laku bersosial.

Lapan (8) tugas penting yang disenaraikan ini jelas menunjukkan keperluan penelitian ilmiah dan analitikal dalam konteks interaksi sosial. Melalui konteks tersebut, setiap individu perlu memenuhi keperluan di setiap peringkat. Kajian Teori Tingkah Laku Berencana (TPB) telah menerangkan mengenai interaksi belia dalam masyarakat yang merupakan fungsi komponen norma subjektif dan hubungan dengan niat dalam bertingkah laku (Armitage & Conner, 2001; Conner & Armitage, 1998; Hagger *et al.*, 2002b; Terry & Hogg, 1996). Menurut Suls & Mullen, 1982; Pasupathi, 1999, kajian yang dijalankan terhadap belia mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap pengaruh interaksi sosial. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini secara umumnya bertujuan untuk menilai tingkah laku pembangunan potensi diri belia dan menilai keberkesanan program pembangunan potensi diri belia oleh peserta Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP).

## 1.2 Objektif Kajian

### *Objektif Am :*

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menilai konstruk psikologi sosial melalui elemen pembangunan potensi diri dalam program pembangunan sosial belia oleh peserta Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP).

### *Objektif Khusus :*

1. Mengenalpasti tahap pembangunan potensi diri belia melalui penyertaan di dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda berdasarkan konstruk psikologi sosial (contohnya pembentukan sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dipersepsikan) ;
2. Menganalisis tahap keyakinan diri peserta Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda dalam pembangunan potensi diri.
3. Mengenalpasti Tingkah Laku Berencana sebagai peramal kepada tingkah laku pembangunan potensi diri belia di dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda

### 1.3 Hipotesis

Hipotesis #1 : Terdapat hubungan yang positif di antara sikap peserta program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) yang berpotensi untuk membentuk tingkah laku pembangunan potensi diri belia melalui pelaksanaan empat komponen aktiviti.

Hipotesis #2 : Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif peserta program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) yang berpotensi untuk membentuk tingkah laku pembangunan potensi diri belia melalui pelaksanaan empat komponen aktiviti.

Hipotesis #3 : Terdapat hubungan yang positif di antara kawalan persepsi dengan peserta program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) untuk membentuk tingkah laku pembangunan potensi diri belia melalui pelaksanaan empat komponen aktiviti.

Hipotesis #4 : Terdapat hubungan yang positif di antara niat peserta program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) dengan tingkah laku pembangunan potensi diri belia melalui pelaksanaan empat komponen aktiviti.

### 1.4 Kepentingan Kajian:

Kepentingan kajian berkait dengan sumbangan yang boleh diberikan oleh dapatan kajian (Othman, 2007), yang membincangkan sumbangan kajian kepada teori, polisi, amalan, isu-isu sosial dan tindakan (Marshall & Rossman, 1999). Belia merupakan golongan yang sedang mengalami proses perkembangan dari segi fizikal, kognitif, emosi dan sosial. Maka, sesuai sekiranya pembangunan potensi diri belia dikaji melalui penglibatan mereka dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) bagi membolehkan mereka menerokai kelebihan diri serta aset positif dalam diri mereka.

Kajian ini juga bertujuan untuk mendalami serta menghasilkan penjelasan mengenai kesan daripada pelaksanaan program kepada peserta Program ARP. Diharapkan juga hasil kajian ini dapat memberikan maklumat dan panduan mengenai usaha-usaha yang telah dilakukan dalam menonjolkan diri sebagai belia yang berkaliber dan pewaris generasi masa depan. Dalam usaha pihak Badan Berkuasa Anugerah Kebangsaan (NAA) mendapatkan maklum balas mengenai pelaksanaan program untuk dijadikan sebagai kayu ukur, kajian ini diharapkan dapat digunakan sebagai dokumentasi kepada teras kedua di dalam Indeks Penunjuk Prestasi (KPI) iaitu Pemerksaan Pembangunan Insan dan Gerakan Belia dan MS ISO 9001:2008 dan juga Program Aku Janji Perdana Menteri.

Penyelidik juga berharap supaya hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menggalakkan penyertaan golongan belia dalam aktiviti pembangunan potensi. Dapatan kajian ini juga penting untuk memberikan bukti saintifik dan panduan kepada pihak yang terlibat di dalam membuat perancangan program pembangunan belia. Diharapkan program yang dilaksanakan akan memberi keutamaan kepada pembangunan potensi golongan belia berbanding pencegahan atau menyelesaikan masalah sosial golongan belia. Sehubungan itu, ia mampu memberikan garis panduan terhadap polisi dan Dasar Pembangunan Belia Negara supaya setiap program pembangunan belia yang dilaksanakan memfokuskan kepada penyerlahan potensi dan juga pembangunan belia secara holistik. Kajian ini adalah amat penting untuk menengahkan elemen pembangunan potensi diri di dalam bidang psikologi sosial.

### 1.5 Kerangka Teoritik


Kerangka teoritik kajian dalam bahagian ini merupakan asas kepada pembentukan kerangka konseptual kajian. Ia adalah berkaitan dengan elemen tingkah laku pembangunan potensi diri peserta Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP). Kerangka teoritik kajian ini dibina berdasarkan Teori Tingkah laku Berencana atau *Theory of Planned Behavior (TPB)*. Fokus utama teori yang diasaskan oleh Ajzen dan Fishbein (1975) ini ialah tingkah laku yang turut menjelaskan pengaruh yang mempengaruhi penglibatan seseorang individu dalam tingkah laku sosial (Ajzen, 2011; Heirman & Walrave, 2012). Oleh yang demikian, Teori Tingkah Laku Berencana (TPB) telah digunakan secara meluas di dalam pelbagai kajian bagi meramalkan tingkah laku (Conner, Jones & Berg, 2010) dalam populasi termasuk di kalangan belia (Baker & White, 2010).

Teori Tingkah Laku Berencana (TPB) menerangkan bahawa tingkah laku merupakan fungsi secara langsung niat terhadap tingkah laku yang kemudiannya ditentukan oleh sikap seseorang, norma subjektif dan kawalan tingkah laku (Forgaty & Shaw, 2010; Conner, Jones & Berg, 2010; Baker & White, 2010; Heirman & Walrave, 2012). Sikap seseorang berdasarkan Teori TPB ini digambarkan melalui penilai terhadap tahap positif ataupun negatif dalam bertingkah laku (Conner, Jones & Berg, 2010; Baker & White, 2010). Manakala norma subjektif pula merujuk kepada persepsi tekanan sosial sama ada hendak melibatkan diri atau tidak dalam tingkah laku (Fogarty & Shaw, 2010; Conner, Jones & Berg, 2010; Baker & White, 2010). Kawalan tingkah laku pula merujuk kepada persepsi individu yang mudah atau sukar untuk melakukan sebarang tingkah laku (Conner, Jones & Berg, 2010; Baker & White, 2010). Kajian ini turut menggunakan Teori TPB sebagai panduan bagi meramalkan tingkah laku pembangunan potensi diri belia. Rajah 1 menerangkan mengenai teori tingkah laku berencana.


Sikap terhadap tingkah laku di dalam kajian ini turut boleh dilihat berdasarkan hubungan ketiga-tiga komponen sikap iaitu *Model ABC tripartite*. Model ini berasaskan andaian bahawa individu mempunyai keupayaan bertindak sama ada dalam bentuk rasional mahupun tidak rasional. Setiap komponen sikap ini saling mempengaruhi (Ma'rof Redzuan, 2001) dan dapat digunakan untuk meramal tingkah laku (Halimatun, 2010). Rajah 2 menunjukkan hubungan di antara komponen norma subjektif dengan komponen tingkah laku yang dipersepsikan dengan H(nst), komponen tingkah laku yang dipersepsikan dengan komponen sikap H(st), dan antara komponen sikap dan komponen norma subjektif H(ns) (H = hubungan, s =sikap , ns = norma subjektif dan t = tingkah laku yang dipersepsikan).







**Rajah 1 : Teori Tingkah laku Berencana**  
 Sumber : diubah suai daripada Ajzen dan Fishbein (1975) dan Feldman (1995)




**Rajah 2 : Kerangka Model Kajian**  
 Sumber : diubah suai daripada Ajzen dan Fishbein (1975) dan Ma'rof (2001)

## 1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian telah dibentuk sebagai panduan untuk kajian menerusi kerangka teori dan komponen sikap *abc Tripartite*. Berdasarkan pada kerangka Teori Tingkah Laku Berencana atau *Theory Planned Behavior* (TPB), kecenderungan seseorang bertingkah laku dalam cara yang selari dengan sikap bergantung kepada proses membuat keputusan secara rasional. Proses tersebut mengambil kira tiga faktor iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dipersepsikan. Kita akan dapat memahami niat seseorang bertingkah laku yang seterusnya membawa kepada tingkah laku (Ma'rof, 2001) iaitu tingkah laku pembangunan potensi yang telah ditunjukkan sepanjang melaksanakan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP). Tiga komponen sikap terhadap tingkah laku di dalam Teori TPB ialah kognitif, afektif dan psikomotor pula dilihat berdasarkan komponen sikap *abc Tripartite*. Ketiga-tiga komponen sikap tersebut merupakan peramal kepada hubungan sikap dan tingkah laku yang merujuk kepada pembangunan potensi diri belia. Sehubungan itu, pemboleh ubah latar belakang, pemboleh ubah konstruk psikologi sosial (sikap, norma subjektif, kawalan tingkah laku yang dipersepsikan dan niat serta tingkah laku) membentuk rangka konseptual kajian ini. Kerangka kerja konseptual digambarkan seperti di dalam Rajah 3.

Kerangka konseptual menunjukkan latar belakang responden serta tingkah laku yang membentuk potensi diri belia di dalam Program ARP. Dalam kajian ini, tiga faktor iaitu komponen sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dipersepsikan merupakan pemboleh ubah tidak bersandar manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah tingkah laku yang membentuk potensi diri belia. Sehubungan dengan itu, tumpuan kajian ini adalah untuk melihat tingkah laku pembangunan potensi diri yang telah dicapai oleh peserta Program ARP. Tingkah laku di dalam kajian ini merujuk kepada potensi diri yang telah dicapai melalui pelaksanaan empat komponen aktiviti iaitu khidmat masyarakat, rekreasi fizikal, kemahiran dan penjelajahan lasak. Oleh sebab itu, responden kajian ini adalah peserta yang telah ditauliahkan tahap Gangsa, Perak dan Emas.

Ajzen (1991) telah menyatakan bahawa model Teori Tingkah Laku Berencana (TPB) hanya boleh diuji oleh tiga komponen iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan persepsi tetapi secara kolektifnya ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut boleh mewakili pengukuran tingkah laku yang sah daripada kajian yang lain. Oleh itu, kajian ini mengkaji bagaimana setiap komponen di dalam TPB ini membentuk tingkah laku pembangunan potensi diri belia di dalam program ARP.



Rajah 3 : Kerangka Konseptual Mengenai Kajian Tingkah Laku Pembangunan Potensi Diri Belia dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP)

## 1.7 Skop dan Limitasi Kajian

Setelah definisi mengenai kajian ini dihuraikan, bahagian ini membincangkan mengenai skop dan limitasi kajian. Fokus utama mengenai kajian ini adalah mengenai tingkah laku pembangunan potensi diri belia di dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan (ARP). Seramai 502 orang responden telah dipilih di dalam kajian ini. Pengkaji menghadapi beberapa masalah di dalam kajian ini seperti kekangan masa untuk mendapatkan data disebabkan terdapat tarikh Majlis Pentauliah Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda yang bertindih dan diadakan pada saat akhir, kos kajian yang terhad seperti sumber maklumat, kewangan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, semua perkara tersebut telah dapat diatasi dengan bantuan daripada Pegawai Rakan Muda di Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Kesahihan dan ketepatan hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah bergantung sepenuhnya kepada kejujuran dan kefahaman responden dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

Selain itu, kajian mengenai program ARP juga tidak banyak dibincangkan di peringkat Kebangsaan. Kajian yang dibuat sebelum ini adalah menumpukan kepada peranan mentor berbanding dengan skop kajian ini adalah kepada pembangunan potensi belia yang menyertainya. Walau bagaimanapun, pengkaji banyak melihat kepada kajian kes peserta-peserta *The International Award For Young People* di 146 Negara yang turut melaksanakan program ini bagi membincangkan aspek pembangunan potensi diri belia dan impak pelaksanaan kepada belia.

## 1.8 Andaian

Menurut Hagger & Chatzisarantis (2005), Teori Tingkah laku Berencana (TPB; Ajzen, 1991) adalah salah satu model sosial kognitif yang amat penting yang bertujuan untuk menjelaskan perbezaan dalam tingkah laku berkemahuan (Armitage & Conner, 2001; Conner & Armitage, 1998). Teori ini berdasarkan kepada andaian bahawa peramal yang paling tepat untuk mana-mana tingkah laku adalah terletak kepada keadaan di mana seseorang individu itu secara terang-terangan menyatakan niatnya untuk bertindak. Namun, dalam konteks kajian ini, pengkaji mengiktiraf limitasi di mana niat yang diukur hanya berlandaskan kepada item-item dalam soal-selidik yang dibina berdasarkan kepada sistem penilaian keberkesanan program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP). Justeru, model yang diketengahkan oleh Hagger & Chatzisarantis (2005) telah diadaptasi kepada konteks kajian. Pengkaji mengiktiraf bahawa model ini juga menekankan bahawa niat dihipotesiskan sebagai peramal di antara pengaruh tiga set penilaian iaitu set personal, sosial, dan kawalan yang berkaitan dengan tingkah laku sasaran individu yang dikaji, yakni dalam konteks kajian, belia-belia yang mendaftar sebagai peserta ARP.

Model Hagger & Chatzisarantis (2005) juga merujuk komponen sikap seseorang ke arah tingkah laku sebagai suatu terjemahan yang mencerminkan reaksi penilaian, samada baik atau yang sebaliknya, ke arah melibatkan diri dalam tingkah laku sasaran. Namun, merujuk kepada fokus kajian, penyelidik hanya merujuk kepada skor akumulatif sikap dari pecahan skor yang telah diolah dari kaedah penskoran yang diadaptasi dari manual *Constructing Questionnaires Based On The Theory Of Planned Behaviour: A Manual For Health Services Researchers* oleh Francis, Eccles, Johnston, Walker, Grimshaw, Foy, Kaner, Smith, & Bonetti, 2004. Limitasi ini juga tidak mengambil kesemua andaian dari Model Hagger & Chatzisarantis (2005). Walau bagaimanapun, model kajian ini merujuk konstruk norma subjektif sebagai rumusan jangkaan individu terhadap pandangan orang lain yang signifikan bagi mereka dalam melakukan atau mengelak dari bertingkah laku seperti yang dirancang. Walau bagaimanapun, konteks kajian adalah terhad kepada persepsi dan jangkaan belia-belia terhadap tiga tahap Anugerah Gangsa, Perak dan Emas yang terlibat dalam Program ARP yang merujuk kepada tingkah laku keterlibatan mereka dalam pemilihan komponen-komponen aktiviti ARP serta tindakan mereka dalam aktiviti berkenaan.

## 1.9 Definisi Istilah

### TINGKAH LAKU

#### Konseptual:

Tingkah laku seseorang individu adalah sebahagian daripada interaksi ataupun tindakan dengan persekitarannya (Cooper, Heron, & Heward, 1980).

#### Operasional:

Dalam kajian ini, tingkah laku merujuk kepada perlakuan ataupun pembangunan potensi diri belia di dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP), yang diklasifikasikan kepada tiga (3) tahap, iaitu tinggi, sederhana dan rendah mengikut skor keseluruhan skala.

### POTENSI DIRI

#### Konseptual:

Kemampuan seseorang dalam sesuatu perkara yang boleh dilakukan dan tidak pada orang lain (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2008)

#### Operasional:

Kajian penilaian prestasi diri peserta melalui penglibatan dalam Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) berdasarkan Teori Tingkah Laku Berencana (TPB). Penilaian prestasi diri dilihat melalui tiga (3) komponen TPB iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan persepsi.

## **SIKAP**

### **Konseptual:**

Sikap merupakan penilaian umum dalam bentuk positif atau negatif terhadap sesuatu objek sikap. Ianya merujuk kepada gabungan kepercayaan, perasaan dan kecenderungan tingkah laku yang ditujukan kepada sesuatu objek. (Ajzen dan Fishbein, 1975)

### **Operasional:**

Dalam kajian ini, satu set soal selidik telah diolah daripada kajian-kajian Ajzen dan Fishbein (1975) dan Feldman (1995) serta Francis, Eccles, Johnston, Walker, Grimshaw, Foy, Kaner, Smith dan Debbie Bonetti (2004), untuk membentuk dua puluh enam (26) item sikap yang merujuk kepada penilaian terhadap peserta di dalam program ARP sama ada positif atau negatif yang akhirnya cenderung kepada tingkah laku. Tiga (3) konstruk sikap yang dilihat di dalam kajian ini ialah kognitif, afektif dan psikomotor.

## **KOGNITIF**

### **Konseptual:**

Komponen ini berkait rapat dengan penilaian terhadap objek sikap berdasarkan pengetahuan atau kepercayaan individu (Ma'rof Redzuan, 2001).

### **Operasional:**

Kajian ini menetapkan pengukuran terhadap komponen kognitif tingkah laku sebanyak sebelas (11) item berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan terhadap pengetahuan peserta mengenai potensi diri.

## **AFEKTIF**

### **Konseptual:**

Komponen afektif merupakan komponen perasaan yang memperlihatkan perasaan seseorang terhadap sesuatu objek (Ma'rof Redzuan, 2001).

### **Operasional:**

Secara operasional, kajian ini memperlihatkan penilaian psikometrik terhadap tingkah laku dalam komponen aktiviti berdasarkan emosi melalui sembilan (9) item dari soal selidik kajian.

## **PSIKOMOTOR**

### Konseptual:

Psikomotor berdasarkan komponen sikap merupakan niat untuk bertingkah laku ataupun tingkah laku yang boleh dilihat (Byrka,2009).

### Operasional:

Tahap psikomotor di dalam kajian ini merujuk kepada kecenderungan peserta Program Anugerah Remaja Rakan Muda (ARP) di dalam menjalankan empat komponen aktiviti. Kecenderungan dalam kajian ini merupakan niat untuk bertingkah laku.

## **NORMA SUBJEKTIF**

### Konseptual:

Hagger & Chatzisarantis (2005) menyatakan norma subjektif di dalam Teori Tingkah Laku Berencana (TPB) merupakan refleks kepada pengaruh persekitaran sama ada untuk melibatkan diri dalam tingkah laku atau tidak.

### Operasional:

Komponen norma subjektif di dalam kajian ini merujuk kepada pengaruh persekitaran yang terdiri daripada mentor, pemimpin, badan operasi dan masyarakat sekeliling di dalam melaksanakan empat komponen aktiviti Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP).

## **KAWALAN PERSEPSI**

### Konseptual:

Chatzisarantis, Hagger, Smith & Phoenix (2004) menyatakan kawalan tingkah laku yang dipersepsikan ialah persepsi sama ada mudah ataupun sukar untuk melakukan sesuatu tingkah laku.

### Operasional:

Kawalan Persepsi di dalam kajian ini merujuk kepada persepsi peserta Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP) sama ada mudah atau sukar untuk melaksanakan aktiviti di bawah empat komponen Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda.

## **BELIA**

### Konseptual:

Golongan belia di Malaysia merupakan golongan yang berumur 15 hingga 40 tahun dan mempunyai perbezaan fizikal, kognitif, emosi dalam kalangan pelbagai kategori umur belia (Asnarulkhadi, 2009).

### Operasional:

Belia remaja lelaki dan perempuan yang berusia 14 hingga 25 tahun yang menyertai program-program Rakan Muda terutamanya Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARP).

## **RAKAN MUDA**

### Konseptual:

Program yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan sejak tahun 1994 bertujuan untuk menangani masalah gejala lepak di kalangan remaja

### Operasional:

Kajian ini melihat penglibatan belia dalam Program Rakan Muda iaitu Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda

### **1.10 Rumusan**

Dalam usaha memperkasa generasi muda, negara memerlukan sokongan semua pihak ke arah membabitkan diri dalam aktiviti pembangunan diri yang positif. Melalui penglibatan ini membantu meningkatkan tahap kecekapan dan keupayaan dalam kepimpinan, gaya hidup, mencungkil bakat, potensi diri dan kebolehan yang ada pada seseorang belia. Pelan tindakan yang telah dinyatakan mampu membuktikan bahawa keperluan keterlibatan dan kerjasama semua pihak dalam membangunkan belia secara positif dan seterusnya membantu menghindarkan mereka daripada terjerumus dalam gejala sosial yang boleh merosakkan masa depan. Pembangunan belia menghadapi banyak cabaran dalam alaf ke-21 ini. Realiti yang berlaku kepada golongan belia hari ini adalah mereka wajar merancang untuk meningkatkan lagi kesejahteraan hidup pada masa depan. Melalui kajian-kajian yang mengadaptasi pendekatan psikologi sosial, cabaran yang dihadapi akan dapat diatasi secara holistik.



## RUJUKAN

- Abner Lico. (2002) *The Duke of Edinburgh's Award: A "Simply Brilliant" Program*. Education for Character. Ontario
- Ajzen, I. (1991). *The Theory of Planned Behavior*. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211
- Alison Berks, (2010, November). *Research and The Award*. Award World, Issue 63, 16-17
- Andrew McMenamin (2004). *Handbook Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda*.(Rev.ed). The International Secretariat Award House
- Anna Dixon (2008). *Motivation and Confidence: What Does it Take to Change Behaviour?* King's Fund
- Armitage, C. J., & Conner, M. (2001). *Efficacy of the Theory of Planned Behaviour: A Meta-Analytic Review*. *British Journal of Social Psychology*, 40, 471–499.
- Azizan Bahari, Tuan Muhammad, Noriah Mohamaed. (2010). *Permasalahan Sosial Remaja Belia : Usaha Menanganinya Melalui Pendekatan Kerja Komuniti*.
- Barry L. Boyd, Don R. Herring, Gary E. Briers (1992). *Developing Life Skills in Youth Journal of Extension*. Volume 30 Number 4
- Becky Hirt and Alison Berks (2012). *Measuring the Award's Impact*. The Duke of Edinburgh's International Award Foundation
- Beduz, Mary Agnes, *The Role of Attitudes, Subjective Norms, Perceived Behavioural Control and Context in Nurses's Behavioural Intentions* (2012). Open Access Dissertations and Theses. Paper 69-89
- Bojan Bilic (2005). *The Theory of Planned Behavior And Health Behaviours : Critical Analysis of Methodological And Theoretical Issues*. *Hellenic Journal of Psychology*. Volume 2 (2005), pp.243-259
- Broadhrd-fearn, Danielle and White, Katherine (2006). *Perceptions of Self Efficacy in Predicting Rule-following Behaviour in Shelters for Homeless Youth : A Test of The Theory of Planned Behavior*. *Journal of Social Psychology* 146(3):pp.307-325
- Carmen Hamilton, Constance Flanagan. (2007). *American Behavioral Scientist. Reframing Social Responsibility Within a Technology-Based Youth Activist Program*, 11, 444-464 dari laman web <http://abs.sagepub.com>

- Chun-Hua Susan Lin, Chun-Fei Chen (2010). *Application of Theory Planned Behavior on The Study Of Workplace Dishonesty*. International Conference on Economics, Business and Management. IPEDR vol.2 (2011) © (2011) IAC S IT Press, Manila, Philippines
- Conner, M., & Armitage, C. J. (1998). *Extending the theory of planned behavior: A Review and Avenues for Further Research*. Journal of Applied Social Psychology, 28, 1429–1464.
- Dasar Sosial Negara. Dimuat turun pada Mac 26, 2010 dari laman web <http://pmr.penerangan.gov.my>
- David L. DuBois, Nelson Portillo, Jean E. Rhodes, Naida Silverthorn, and Jeffrey C. Valentine. (2011). *How Effective Are Mentoring Programs for Youth? A Systematic Assesment of the Evidence*. Psychological Science in the public Internet. 12 (2)57-91
- David Malcolm (2009). Young Leader Tackle Climate Change, 11,12 dari laman web <http://www.climateleaders.ca>
- Dorothy Rogers (1985). *Adolescent and Youth. Fifth Edition*. Prentice Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jerse
- Edward Branagan (2009), *Transforming Society by Mobilizing Youth*. Retriief Julai 2009 dari laman web International Journal Young Leadership. <http://www.leadersjournal.org>
- Elizabeth Chell, Rosemary Athayde (2009). *The Identification and Measurement of Innovative Characeteristics of Young People*. Development of The Youth Innovation Skills Measurement Tool. Kingston University
- Ezhar Tamam, Jusang Bolong, Mohamad Rezal, Zamree Yaakob. (2007). *Masalah SOSial dan Kesedaran Sivik Generasi Muda daripada Keluarga Berpendapatan Rendah di Bandar*. Institut Pengajian Sains Sosial
- Gardner E., Flood J. (2007). *Utilizing The Life Effectiveness Questionnaire To Measure The Impact Of An Outdoor Adventure Experience on College Students*. East Carlifornia Unversiti dari laman web <http://ertr.tamu.edu>
- Francis JJ, Eccles MP, Johnston M, Walker A, Grimshaw J, Foy R, Kaner EFS, Smith E, Bonetti D. (2004). *Constructing Questionnaires Based on the Theory of Planned Behaviour: A Manual for Health Services Researchers*. Centre for Health Services Research, University of Newcastle upon Tyne, UK.
- Francis Ries, Vello Hein and Maret Pihu, Jose Manuel Sevillano Armenta. (2012). *Self-identity as a Component of the Theory of Planned Behaviour in Predicting Physical Activity*. European Physical Education Review 18(3) 332-334

- Glen Evans, Millicent Poole (1991). *Young Adults Self Perceptions and Life Contexts*. The Falmer Press
- Hagger, M. S., & Chatzisarantis, N. L. D. (2005). First- and higher-order models of attitudes, subjective norms, and perceived behavioral control in the Theory of Planned Behavior and their invariance across two health behaviors. *British Journal of Social Psychology*, 44, 513-535.
- Hamilton K. & White K.M. (2008). *Extending the Theory of Planned Behavior: The Role of self and Social Influences in Predicting Adolescent Regular Moderate-to-Vigorous Physical Activity*. *Journal of Sport & exercise Psychology*, 2008,30,56-74
- Haslinda Abdullah, Sarjit S.Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Dzulhailmi Dahalan (2011). *Belia Pewaris 1 Malaysia*. Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Icek Ajzen (1991). *The Theory of Planned Behavior*. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50, 179-211. University of Massachusetts at Amherst
- Jacinta Bronte-Tinkew, Kristin Anderson Moore, Rebecca Shwalb (2006). *Measuring Outcomes for Children and Youth in Out-of-School Time Programs : Moving Beyond Measuring Academics*. Washington D.C.: Child Trends
- James Neill (2007). YARPET – Youth at Risk Program Evaluation Tool. *A Measurement Tool For Assessing the Effects of Adventure-based Programs on Outcomes for Youth at Risk Participants*, 5, dari laman web <http://wilderdom.com>
- Johan Ferla, Martin Valcke, Yonghong Cai. (2003). *Academic Self-efficacy and Academic Self-concept: Reconsidering Structural Relationship*. Ghent Univeristy
- Jyh-ShenChiou (1998). *The Effects of Attitude, Subjective Norm, and Perceived Behavioral Control on Consumers' Purchase Intention : The Moderating Effects of Product Knowledgeand Attention to Social Comparison Information*. National Chengchi University. Vol. 9, No. 2, pp. 298-308ol.9, No.2.pp. 293-308
- Indeks Belia Malaysia (2008). Dimuat turun pada Disember 16,2010 dari laman web <http://www.ippbm.gov.my>
- Kraft P., Rise J., Sutton S. and Roysamb E. (2005). *Perceived Difficulty in the Theory of Planned Behaviour: Perceived Behavioural Control or Affective Attitude?* *British Journal Of Social Psychology*. 44,479-496

- Kathrin C. Walker, Rebecca N. Saito. (2011). *Youth Are Here: Promoting Youth Spaces through Community Mapping*. University of Minnesota Extension Center for Youth Development
- Kementerian Belia dan Sukan (2004). *Handbook Anugerah Remaja Perdana*. Putrajaya: Bahagian Rakan Muda
- Kementerian Belia dan Sukan (2011). *Indeks Belia Malaysia 2011*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Lambros Lazuras, Despoina Ourda, Vassilis Barkoukis and Haralambos Tsorbatzoudis (2011). *A Study of Predictors of Adolescents' Physical Activity Intentions*. *Psychology, Society & Education*, 2011, Vol 3, N°
- Leo B. Hendry, Janet Shucksmith, John G. Love and anrthony Glendinning (1993). *Young People's Leisure and Lifestyle*. Routledge
- Ma'rof Redzuan, Haslinda Abdullah (2008). *Psikologi Edisi Ketiga*. Mc Graw Hill Education
- Marylène Gagne (2009). *A Model of Knowledge-Sharing Motivation*. *Human Resource Management*. July-august 2009, Vol.48, No.4, pp.57-589
- Matthew Morton, Paul Montgomery. (2010). *Youth Empowerment Program for Improving Self-efficacy and Self-esteem of Adolescents*. University of Oxford
- Melvin Delgado (2006). *Designs and Method for Youth-Led Research*. Sage Publications
- Michael Wehmeyer, Michelle Schwartz (1997). *Exceptional Children. Self-determination and Positive Adult Outcomes : A Follow-up Study of Youth With Mental Retardation*, Vol. 63 dari <http://www.questia.com>
- Mohd Noor Azmi Mamat, Sapora Sipon (1998). *Belia Pendukung Cabaran Perdana*. Universiti Malaysia Sabah
- Mohd Hata, *Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Rakan Muda (2007)*. Kementerian Belia dan Sukan
- Natasha D. Watkins, Reed W. Larson, Patrick J. Sullivan (2007). *Bridging Intergroup Difference in a Community Youth Program*. University of Illinois at Urbana – Champaign
- Norhasni Binti Zainal Abiddin (2007). *Fungsi dan Sumber Mentor Tidak Formal dalam kalangan Usahawan Belia Tani Siswazah*. Universiti Putra Malaysia
- Nellie Munala, (2010, April). *How To Implement An Internship*. Award World, Issue 62, 18-19

- Nikos L.D. Chatzisarantis, Martin S.Hagger, Brett Smith and Cassie Phoenix (2004). *The Influences Of Continuation Intentions On Execution Of Social Behaviour Within The Theory Of Planned Behaviour*. British Journal of Social Psychology. 43,551-583
- O'Connor. R.C. & Armitage, C.J. (2003). *Theory Of Planned Behaviour and Parasuicide : An Exploratory Study*. Current Psychology, 22,247-256
- Ontario Ministry of Children and Youth Services Strategic Framework 20008-12 (2008). *Realizing Potential : Our Children, Our Youth, Our Future*. Ontario
- Pam Marmito, Andrena Simmons (2009, Oktober). *How To Engage Young People*. Award World, Issue 61, 18-19
- Reuben M. Baron & David A. Kenny. (1986). *The Moderator-Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research: Conceptual, Strategic, and Statistical Considerations*. Journal of Personality and Social Psychology. 1986, Vol 51, No.6, 1173-1182
- Rivis A. & Sheeran P. (2003) *Descriptive Norms as an Additional Predictor in the Theory of Planned Behaviour : A Meta-Analysis*. Current Psychology: Developmental, Learning, Personality, Social. Fall 2003. Vol.22, No.3. pp 218-233
- Rohaty Mohd. Majzub (1998). *Memahami Jiwa Dan Minda Remaja*. Penerbit Fajar Bakti
- Rosemary Athayde (2009). *Measuring Enterprise Potential in Young People*. Entrepreneurship Theory and Practice. Baylor University
- Roslan, Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Rakan Muda (2008). Kementerian Belia dan Sukan
- Samsudin A. Rahim Ph.D (1995). *Tingkah Laku Lepak, Media dan Pengawasan Keluarga*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Samsudin A. Rahim (2007). *Globalisasi dan Media Global*. Kertas Kerja Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan
- Self-Determination*. Dimuat turun pada April 19, 2010 dari laman web <http://www.washington.edu>
- Scott E. Wolfe, George E. Higgins (2008). *Self-Control and Perceived Behavioral Control : An Examination of College Student Drinking*. Applied Psychology in Criminal Justice, 2008, 4(1)
- Sourabh Gupta (2011). *Attribution Theory of Social Psychology*. [www.buzzle.com](http://www.buzzle.com)

- Sue Walker, Michael Fay, Tony Hughes, Rob Oliphant, Cristal de Saldanha (2011). *Resolving Technical Infrastructure Disparties in Wide-area, Cross-Border Geographical Zones to Deliver Effective Training Modules. The Duke of Edinburgh's Award International Association.*
- Sven Morch, Helle Anderson (2012). *Becoming a Gang Member : Youth Life and Gang Youth.* Psychology Research 2012, Vol.2, No.9, 506-514. Copenhagen University
- Wasitah Mohd Yusof (2007). Kertas Pelaksanaan Status Program ARPRM dan Tanggungjawab serta Nilai Tambah kepada Pembangunan Program Rakan Muda Fasa II. Dalam Kursus Peningkatan Profesionalisme Pegawai Belia dan Sukan Bil 2/2007, Akademi Pembangunan Belia Malaysia Tronoh, Perak.
- Yap Sheau Fen, Noor Asyikin Sabaruddin (2008). *An Extended Model of Theory of Planned Behaviour Predicting Exercise Intention.* International Business Research. Vol.1, No.4
- Youth Self Determination.* Dimuat turun pada April 19,2010 dari laman web <http://www.blackhawkcenter.org>

## BIODATA PELAJAR

Yasmin binti Yacob dilahirkan pada 29 Mac 1985 di Klinik Ong Taiping, Perak. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Siputeh, Selama Perak dan di peringkat Sekolah Menengah telah bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Bayor, Selama Perak dari tahun 1997 hingga 2002. Seterusnya pada tahun 2003, beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat Diploma di Universiti Putra Malaysia di dalam bidang Pembangunan Manusia selama tiga tahun dan kemudiannya terus menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti yang sama di dalam bidang Pembangunan Manusia. Selepas setahun menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, beliau telah menanggungkan pengajian selama dua tahun selepas mendapat kerja tetap sebagai Penolong Pegawai Belia dan Sukan di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada tahun 2007. Seterusnya pada tahun 2009, beliau terus menyambung pengajian yang telah tertangguh secara jarak jauh dan telah menamatkan pengajian pada tahun 2011 dan meneruskan pengajian di peringkat Master Sains. Telah berkhidmat di Bahagian Pembangunan Rakan Muda, Jabatan Belia dan Sukan Negara sejak tahun 2007 dan sekarang telah ditempatkan di Pejabat Pengurusan Transformasi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Peluang dan pengalaman yang diperolehi sepanjang berkhidmat di KBS telah digunakan dengan sebaik-baiknya dan fokus kajian yang dihasilkan juga adalah salah satu daripada program yang dilaksanakan oleh KBS iaitu Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda.